

21/05/1999

Azmi berusaha bantu Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azmi Khalid, berkata pemindahannya ke Kementerian Dalam Negeri adalah pertukaran biasa tetapi mempunyai tanggungjawab berbeza.

Serentak itu, beliau yang genap dua tahun berkhidmat di kementerian berkenaan, berikrar untuk menjalankan tugas sebaik mungkin setelah mendalami tanggungjawab barunya itu nanti.

"Ia satu tanggungjawab baru, daripada satu kementerian ke kementerian lain. Pemilihan saya mungkin berdasarkan kriteria tertentu yang ditetapkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mungkin kerana umur saya yang sudah menjangkau 58 tahun ini sesuai untuk berdamping dengan pegawai kanan di kementerian," katanya ketika dihubungi hari ini.

Azmi akan berpindah kementerian itu menggantikan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang dilantik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Saya akan bekerjasama dengan rakan sejawat, Datuk Ong Ka Ting, untuk membantu Abdullah menjalankan tugas di kementerian ini," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh dan kakitangan kementerian itu.

(END)